



SIARAN AKHBAR

BANTUAN KEWANGAN LEBIH RM17 JUTA BERI MANFAAT KEPADA HAMPIR 3,800 PMKS SARAWAK



Tan Sri Datuk Seri Panglima Bernard Giluk Dompok, Pengerusi SME Corp. Malaysia (empat dari kiri) dan Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (tiga dari kiri) bersama delegasi SME Corp. Malaysia semasa Kunjungan Hormat kepada TYT Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Foto Ihsan Istana Negeri Sarawak

KUALA LUMPUR, 2 Disember 2024 – Bantuan kewangan berjumlah RM17.6 juta telah diluluskan kepada 3,759 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dari Sarawak oleh SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sejak tahun 2021.

Sebanyak 250 usahawan Sarawak dengan geran bernilai RM3.5 juta atau 11% daripada jumlah keseluruhan iaitu 2,275 usahawan belia telah memanfaatkan bantuan menerusi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program TUBE

bertujuan menggalakkan golongan belia menceburi bidang keusahawanan. PMKS Sarawak juga mendapat bantuan di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) yang meningkatkan daya saing PMKS melalui bantuan bersepadu meliputi khidmat nasihat, sokongan teknikal, latihan dan bantuan kewangan. Daripada 983 PMKS yang telah diluluskan bantuan kewangan berjumlah RM121.9 juta di bawah BEEP 2.0, kira-kira 4% adalah PMKS Sarawak iaitu sebanyak 39 PMKS yang telah diluluskan bantuan kewangan berjumlah RM6.2 juta.

Selain itu, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program Pengukuhan Mikro Madani (Mikro Madani) yang dilancarkan pada tahun 2023. Sebanyak 408 perusahaan mikro Sarawak telah mendapat manfaat serta kelulusan berjumlah RM4.6 juta. Program Mikro Madani ini menyediakan bantuan kewangan kepada perusahaan mikro dalam bentuk geran dan pinjaman serta baucar untuk pendaftaran status PMKS melalui lima (5) inisiatif utama iaitu Geran Perniagaan Mikro (GPM), Pembiayaan Perniagaan Mikro (*Micro Biz Financing* – MBF), Geran Perniagaan Belia Mikro@TUBE, BEEP Plus Sabah & Sarawak dan Baucar Status PMKS.

Program lain yang turut mencatatkan penyertaan memberangsangkan daripada PMKS Sarawak adalah Program *Business Accelerator* (BAP) dengan kelulusan berjumlah RM3 juta. Program yang tidak melibatkan bantuan kewangan dan merekodkan penyertaan tertinggi termasuklah Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro (BizME) serta Program Penarafan & Akreditasi (SRA).

Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dalam kenyataannya kepada media memaklumkan, "Kami mensasarkan lebih ramai PMKS dari Sarawak bakal menerima manfaat melalui program-program yang akan dilaksanakan pada tahun 2025, sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI yang lebih saksama dan inklusif". Komitmen sasaran ini turut dinyatakan semasa Kunjungan Hormat SME Corp. Malaysia kepada TYT Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Yang di-Pertua Negeri Sarawak di Astana Negeri Sarawak pada 25 November 2024.

"Bagi mempermudah PMKS memohon bantuan yang ditawarkan, mereka boleh memanfaatkan permohonan secara dalam talian melalui Sistem Bersepadu Penarafan & Insentif PMKS (MyBPI) yang telah diperkenalkan tahun ini. Malah MyBPI ini telah diperakui berjaya memudahkan capaian kepada PMKS sehingga diiktiraf sebagai salah satu Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB) semasa Program 2 Tahun

Kerajaan MADANI dan Konvensyen Nasional Reformasi Perkhidmatan Awam baru-baru ini”, tambah beliau lagi.

Untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai bantuan-bantuan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia, PMKS boleh melayari laman sesawang di pautan www.smecorp.gov.my dan saluran media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.

– TAMAT –

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my